

07 MAR 2004

Mahathir-Air Terjun

LANGKAWI TAWAR TARIKAN BARU AIR TERJUN BUATAN MANUSIA

LANGKAWI, 7 Mac (Bernama) -- Langkawi menawarkan tarikan pelancongan terbaru menerusi Air Terjun Langkawi, air terjun buatan manusia yang tertinggi di negara ini.

Air terjun dengan ketinggian 66.92 meter itu di Jalan Datai di sini yang dibina dengan kos bernilai RM3 juta, adalah hasil ilham bekas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut melancarkannya hari ini.

Air terjun itu direka bentuk serta dibina oleh Gerbang Langkawi Sdn Bhd bagi melambangkan kecintaan bekas Perdana Menteri terhadap rakyat dan negara.

Keunikan air terjun itu ialah ia turut mempunyai terowong jalan raya sepanjang 50 meter dan merupakan hadiah syarikat itu kepada penduduk pulau bebas cukai tersebut.

Air terjun yang disahkan oleh Malaysia Book of Records sebagai air terjun buatan manusia tertinggi di Malaysia, terbahagi kepada tiga aras iaitu aras pertama dan kedua dibina di atas terowong jalan raya dan aras ketiga membabitkan tempat air mengalir di atas batu batan.

Air terjun itu yang dibina berdasarkan keadaan semula jadi persekitaran bukit bukau di kawasan itu, mula dibina Ogos tahun lepas.

Dr Mahathir pada persidangan media selepas pelancaran air terjun itu berkata buat permulaan, air terjun berkenaan akan beroperasi pada siang dan pengunjung tidak dikenakan bayaran untuk menikmati keindahan di sekeliling kawasan tersebut.

Beliau yang berpuas hati dengan projek ini berkata beberapa projek lagi akan dibangunkan di pulau ini termasuk pembinaan "Harbour Park" dan pembinaan jambatan bagi menghubungkan dua puncak di Gunung Machincang bernilai RM2 juta.

Sebelum itu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata Langkawi akan terus diindahkkan bagi menarik lebih ramai pelancong ke pulau itu.

-- BERNAMA
ZI HK DC LAT